

Malaysia destinasi terbaik

BH-27/11/2007

Pengiktirafan majalah terkemuka Amerika Syarikat pencapaian terbesar

NEW YORK: Sebuah majalah pelancongan berprestij Amerika Syarikat memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan terbaik dunia 2006 - keputusan mengejutkan ramai peserta industri pelancongan dan pengembaraan di Amerika.

Malaysia mengatasi Singapura, Hong Kong, Itali, Indonesia (Bali), Hawaii, Thailand (Phuket), Afrika Selatan, Fiji dan Australia, dalam undian oleh pembaca *Global Traveler Magazine*, majalah bulanan yang diterbitkan di Pennsylvania.

Majalah perniagaan pelancongan yang mempunyai edaran berbayar sebanyak 60,055 itu 'mengambil kira minat gaya hidup canggih pengembara eksekutif hari ini', dalam menjalankan kajian berkenaan.

Kajian tahunan kali ketiga yang dijalankan oleh majalah *Global Traveler* itu yang dijalankan dalam kalangan pembaca antara 1 Februari, 2006 dan 31 Ogos, 2006, meminta pembaca memilih 42 kategori terbaik.

"Seramai 13,653 pembaca menjawab soalan menerusi sisipan majalah selain menerusi laman web," kata seorang jurucakap FXExpress, yang menerbitkan majalah itu.

Hanya mereka yang menjawab sekurang-kurangnya 50 peratus daripada soalan diambil kira dan maklum balas mereka diteliti bagi memastikan tidak ada pertindihan.

Anggota industri pelancongan serta kakitangan FXExpress Publications tidak dibenar mengambil bahagian.

Secara purata responden menghabiskan 61 malam perjalanan perniagaan peringkat antarabangsa tahun lalu dan 76 malam dalam negeri.

Mereka juga secara purata melakukan 18 penerbangan antarabangsa dan 21 penerbangan domestik seorang dalam tempoh itu.

Beliau berkata, 76 peratus responden daripada lelaki dan 24 peratus lagi wanita, dengan purata umur 45 tahun.

Pengarah (Pengiklanan) Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia), Azizan Noordin menerima anugerah itu di Jumeira Essex House di New York, disaksikan wakil syarikat penerbangan, operator

pelancongan dan pengembaraan, perundingan pelancongan dan media.

"Tourism Malaysia bangga menerima anugerah itu yang mengesahkan publisiti awal Tahun Melawat Malaysia 2007, berjaya," katanya.

Azizan yang menerima plak kristal yang tertera perkataan: "Anugerah itu bukan saja bersempena Tahun Melawat Malaysia 2007, malah untuk 50 tahun kemerdekaan negara.

"Anugerah daripada sebuah majalah berpejabat di Amerika itu adalah pencapaian besar yang mengesahkan usaha pengiklanan dan media kami membuahkan hasil sekarang. Anugerah ini juga bukti Malaysia mendapat tempat peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau turut dikerumuni wakil agensi yang hadir yang mengucapkan tahniah kepadanya serta Tourism Malaysia atas kejayaan besar itu.

Apa yang mengejutkan ramai pakar pelancongan ialah Malaysia berada dalam ranking bawah dalam kalangan ramai pelancong berpotensi di Amerika Syarikat. Asia Tenggara secara amnya digambarkan negatif oleh media tempatan.

Kawasan itu dilanda tsunami di Thailand dan Indonesia, rampasan kuasa di Thailand, letusan gunung berapi dan fundamentalisme di Indonesia serta jerebu yang membelenggu Malaysia akibat kebakaran hutan di Indonesia.

"Secara umum, orang mengaitkan keseluruhan kawasan itu sebagai bermasalah... oleh itu, kejayaan itu lebih bermakna kepada Malaysia, tetap diundi sebagai destinasi pelancongan terbaik," kata John McKintosh, seorang perunding pelancongan Pennsylvania.

Satu lagi kejayaan Malaysia ialah pengiktirafan yang diberikan kepada Kuala Lumpur oleh sebuah syarikat perkhidmatan kewangan global, UBS yang menilai kos yang dialami pelancong perniagaan di sebahagian besar bandar raya di seluruh dunia,

Laporan terkini UBS meletakkan Kuala Lumpur sebagai 'tawaran terbaik' di dunia dengan pelancong perniagaan hanya perlu membayar purata AS\$260 untuk bilik hotel, makanan, pengangkutan dan hiburan. - Bernama